



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

KENYATAAN KETUA POLIS NEGARA BERHUBUNG GAJI POLIS

Di Malaysia, semua penjawat awam adalah dibayar gaji berdasarkan jadual gaji yang berkuat kuasa. Kerajaan menetapkan bayaran gaji yang merupakan upah kepada penjawat awam yang meliputi elemen untuk makanan, tempat tinggal dan pakaian (*food, shelter and clothing*). Di samping itu, penjawat awam juga menerima imbuhan tetap dan pelbagai jenis elaun berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu seperti kos sara hidup yang meningkat.

Saraan bagi Perkhidmatan Polis serta keseluruhan perkhidmatan awam telah dikaji dan dilaksanakan pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dengan penetapan Gaji Permulaan Terendah pada kadar RM1,200 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM2.533 bilion setahun. Berikut adalah perbandingan jumlah perbandingan antara Skim Perkhidmatan PDRM dan skim perkhidmatan awam yang lain;

| Skim & Gred | PDRM YA1 (Konstabel) | Awam Gred 19 |
|------------------------|---------------------------------|-------------------------|
| Gaji Min/ Permulaan | 1,441 | 1,352 |
| Gaji Maks | 4,152 | 4,003 |
| ITP | 300 | 300 |
| ITKA/ ITKP | 115 | 115 |
| Bantuan Sara Hidup | 300 | 300 |
| Bayaran Insentif Khas | 200 | - |
| Jumlah Emolumen (Min) | 2,356 | 2,067 |
| Jumlah Emolumen (Maks) | 5,067 | 4,718 |

| Skim & Gred | PDRM YA5 (Sarjan) | Awam Gred 29 |
|------------------------|------------------------------|-------------------------|
| Gaji Min/ Permulaan | 1,824 | 1,493 |
| Gaji Maks | 5,801 | 5,672 |
| ITP | 300 | 300 |
| ITKA/ ITKP | 160 | 160 |
| Bantuan Sara Hidup | 300 | 300 |
| Bayaran Insentif Khas | 200 | |
| Jumlah Emolumen (Min) | 2,784 | 2,253 |
| Jumlah Emolumen (Maks) | 6,761 | 6,432 |

| Skim & Gred | PDRM YA13 (Inspektor) | Awam Gred 41 |
|------------------------|----------------------------------|-------------------------|
| Gaji Min/ Permulaan | 2,502 | 2,080 |
| Gaji Maks | 9,803 | 9,546 |
| ITP | 420 | 300 |
| ITKA/ ITKP | 300 | 300 |
| Bantuan Sara Hidup | 300 | 300 |
| Bayaran Insentif Khas | 200 | - |
| Jumlah Emolumen (Min) | 3,722 | 2,980 |
| Jumlah Emolumen (Maks) | 11,023 | 10,446 |

Kerajaan juga telah meluluskan penyeragaman kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai/ anggota Perkhidmatan PDRM dengan semua perkhidmatan beruniform bermula 1 Januari 2020. Penyeragaman ini melibatkan 23,899 pegawai/ anggota dengan implikasi kewangan sebanyak RM24,222,720.

Selain itu, sebanyak 27 elaun telah diterima oleh pegawai/ anggota PDRM mengikut kriteria pemberian elaun iaitu risiko, kemahiran, kos sara hidup, penempatan, perkhidmatan dan tugas serta kompetensi tambahan pegawai/ anggota.

Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa menimbang permohonan serta membuat kajian semakan gaji dan elaun. Walau bagaimanapun sebarang pertimbangan perlu dilihat secara menyeluruh supaya ianya tidak mengganggu gugat keharmonian antara skim-skim perkhidmatan. Sehubungan itu, sebarang kajian semakan gaji dan elaun perlu diberi pertimbangan dan perhatian secara berhati-hati mengambil kira pelaksanaannya memberi implikasi kepada perbelanjaan mengurus yang tinggi.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 26 Julai 2019

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (48)